



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL.3/2022

TARIKH / MASA / TEMPAT

03 NOVEMBER 2022 (KHAMIS)

8.45 PAGI

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Korporat Bandaraya Siri 3 / 2022 pada pagi ini. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan serta semua Pemimpin Persatuan MBSP, Kakitangan MBSP dan Wira-Wira Oren yang saya kasihi. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua amatlah saya hargai. Saya juga merakamkam ucapan syabas dan terima kasih kepada Jabatan Khidmat Pengurusan yang berjaya menganjurkan Perhimpunan Korporat Bandaraya kali ketiga tahun ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kita baru sahaja selesai menyambut Ulangtahun Ke-3 Bandaraya Seberang Perai. MBSP telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sempena Hari Bandaraya baru-

baru ini bermula 1 September 2022 sehingga bulan Oktober 2022. Saya difahamkan penglibatan daripada warga MBSP dan penduduk Seberang Perai adalah amat menggalakkan. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada semua semua pihak yang menjayakan program dan aktiviti, terdiri daripada Jabatan-Jabatan MBSP dan juga Persatuan-Persatuan di bawah payung MBSP iaitu PERMAI, PESUKA dan PUSPANITA. Di antara program-program utama yang telah dilaksanakan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Bandaraya Ke-3 adalah:-

1. **Program Penanaman Pokok Serentak “*Planting Hours*”** yang berjaya dilaksanakan pada 24 September 2022 di mana sebanyak 332 pokok pelbagai spesies telah ditanam di sekitar Taman Rekreasi Vision Park, Seberang Perai Utara; di sepanjang Jalan Permatang Nibong, Seberang Perai Tengah; dan di Changkat Jeti Nelayan, Seberang Perai Selatan. Program ini telah melibatkan penyertaan warga kerja MBSP dan juga warga Seberang Perai.

Selain itu, seramai 3,028 orang telah mendaftar dan menyertai program *Planting Hours* ini dengan mengambil gambar bersama pokok yang ditanam dari lokasi penanaman pokok yang dibenarkan seperti lot persendirian atau tanah persendirian, kawasan Agensi-Agenis Kerajaan seperti hospital, kawasan Agensi-Agenis Swasta,

Institusi Pendidikan seperti Sekolah, Kolej, Politeknik, Universiti dan lain-lain premis. Hadiah diberikan kepada fotografi yang paling kreatif.

2. **Program *Digital@SeberangPerai*** yang dianjurkan pada 1 Oktober 2022 di Mydin Mall Jalan Baru, Bukit Mertajam menjadi platform untuk membangunkan modal insan di kalangan penduduk Seberang Perai supaya mereka menjadi *smart people*. Program *Digital@SeberangPerai* pada tahun ini adalah program yang ketiga diadakan dan melibatkan penyertaan 12 Jabatan-Jabatan Dalaman MBSP, Agensi-Agenzi Kerajaan dan Swasta, iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Akauntan Negera, Digital Penang, Pro Office Solutions Sdn. Bhd., Heitech Padu Berhad dan Happy Icon Sdn. Bhd.
3. **MBSP City Walk 2022** telah diadakan bersempena Sambutan Hari Bandaraya dan juga World Habitat Day seperitimana yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) untuk meninjau kembali status habitat dan hak kesemua hidupan untuk mendapatkan perlindungan yang mencukupi. Tema pada tahun ini ialah '*Mind the Gap, Leave No One and No Place Behind*' dengan memberi tumpuan ke atas masalah ketidaksamaan dan cabaran yang semakin meningkat di bandar dan penempatan manusia. Program *MBSP City Walk* mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada warga

Seberang Perai di mana seramai 1,200 orang telah menyertai program ini dan 200 daripada yang mendaftar adalah kakitangan MBSP.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam MBSP juga tidak ketinggalan dan telah berkerjasama dengan MBSP untuk menganjurkan program-program sempena Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai:-

- 1. Majlis Bacaan Yaasin Dan Doa Selamat.**
- 2. Ceramah Perdana** dengan ceramah khas oleh penceramah jemputan, Dato' Badli Shah bin Alauddin, Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Pahang Darul Makmur.
- 3. Pertandingan Mengarang Khutbah Jumaat dan Bacaan Khutbah Jumaat Khas** yang mana karangan khutbah Jumaat yang berjaya dibacakan di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (MDSPT).
- 4. Selain itu, PERMAI juga telah menyerahkan sumbangan bakul makanan kepada kakitangan yang memerlukan pada 11 Ogos 2022.**

Tahniah juga kepada PUSPANITA kerana telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti untuk warga MBSP termasuk yang melibatkan penyertaan anak-anak kakitangan MBSP. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah Program *Explore Race*, Pertandingan Memasak, Pertandingan Mewarna, Pertandingan *Deco Cup Cake*, Pertandingan *Photography* dan Pertandingan Video Tiktok Pakaian Beragam Merdeka.

PESUKA pula telah berkerjasama dengan MBSP untuk menganjurkan beberapa pertandingan merebut Piala Datuk Bandar dalam sukan badminton, bola jaring dan golf. Selain itu, PESUKA juga telah menganjurkan pertandingan sukan dalaman (pertandingan tertutup) iaitu pertandingan karaoke dan snooker.

Saya ingin melihat lebih banyak lagi program-program sukan dan rekreasi dianjurkan oleh MBSP dan PESUKA. Bersukan seperti badminton, hoki, bola sepak dan bersenam seperti Program Senam Sihat di kalangan Warga MBSP, City Walk, berbasikal dan juga sukan rekreasi seperti memancing, adalah aktiviti-aktiviti sosial yang telah dan akan diketengahkan oleh MBSP. Selain bersantai, bersukan dan bersenam mengeluarkan peluh dan adalah satu aktiviti menyihatkan badan yang perlu

dilaksanakan oleh MBSP dalam membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja MBSP dan warga Seberang Perai.

Saya amat menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP serta semua badan persatuan lain di MBSP yang telah mengambil bahagian dan bertungkus lumus dalam memeriahkan dan menjayakan Sambutan Ulang Tahun Majlis Bandaraya MBSP Kali-3 ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP telah melalui pengauditan Sirim Qas International Sdn. Bhd. pada 25 hingga 28 Oktober 2022 baru-baru ini, yang merupakan audit untuk Pensijilan Semula bagi Sistem Pengurusan Berintegrasi (IMS) yang terdiri daripada enam (6) persijilan :

- a. ISO 9001 (QMS) Sistem Pengurusan Kualiti
- b. ISO 14001 (EMS) Sistem Pengurusan Alam Sekitar
- c. ISO 45001 (OSHMS) Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- d. ISO 50001(EnMS) Sistem Pengurusan Tenaga

- e. ISO 27001 (ISMS) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat
- f. ISO 37001 (ABMS) Sistem Pengurusan Anti Bribery /Suapan
- g. dan juga Audit Pematuhan bagi ISO 55001 (AMS) Sistem Pengurusan Aset, iaitu sistem pengurusan yang baru dilaksanakan pada tahun ini.

Saya tegaskan di sini, bahawa kita tidak mengejar pensijilan semata-mata, sebaliknya setiap sistem pengurusan ini mempunyai *standard* yang menjadi panduan serta sokongan untuk kita dalam:-:

1. memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan hari *stakeholders*;
2. memberi penekanan kepada aspek penjagaan alam sekitar;
3. memastikan keselamatan kakitangan dan pihak-pihak yang melaksanakan kerja untuk kita menitikberatkan soal-soal keselamatan sama ada keselamatan sendiri mahupun orang ramai;
4. melaksana usaha-usaha mengurangkan penggunaan tenaga;
5. memelihara keselamatan maklumat dan memastikan bahawa sistem-sistem kita sentiasa boleh diakses pada bila-bila masa untuk mendapatkan perkhidmatan MBSP;

6. meningkatkan integriti dalam pelaksanaan tugas; dan
7. mengurus aset-aset MBSP terutama yang penting dalam pemberian perkhidmatan utama dan kritikal

Hasil pengauditan ini, MBSP telah berjaya melalui Audit Pematuhan bagi mendapat Pensijilan Sistem Pengurusan Aset. Untuk makluman, MBSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan Pertama yang melaksana dan berjaya melalui proses audit tanpa ketakakuran. Dengan pensijilan yang akan kita perolehi dan pensijilan semula yang akan disambung lagi selepas semua maklumbalas disahkan penerimaan oleh pihak Sirim, MBSP akan menjadi agensi pertama di Malaysia yang mempunyai lapan (8) pensijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti termasuk Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (5S).

MBSP juga telah dijemput oleh SIRIM untuk menyertai Program Pilot bagi Sistem Pengurusan Pematuhan ISO 37301:2021 (CMS) pada tahun ini. Ini berdasarkan inisiatif yang telah diambil oleh MBSP untuk menubuhkan pasukan Audit Penilaian Pematuhan bagi menilai pematuhan MBSP dalam aspek perundangan berdasarkan pelaksanaan ISO.

Seperti mana saya katakan tadi, keutamaan kita adalah untuk memastikan kecekapan dan keberkesanannya dalam penyampaian perkhidmatan di samping menjadikan kualiti dan integriti sebagai budaya kerja khasnya dan hidup kita amnya. Pematuhan kepada perundangan adalah penting untuk memastikan bahawa kita tidak lari atau tersasar dari haluan memartabatkan prinsip ABC (Amanah, Betul dan Cepat).

Sehubungan itu, saya mahu semua Ketua Jabatan memainkan peranan untuk menggerakkan budaya kualiti dan integriti ini di kalangan warga kerja jabatan masing-masing. Malah saya mahu semua Ketua Jabatan turun padang merealisasikan *Management By Walking About* (MBWA) dalam erti kata yang sebenar. Sikap ambil tahu dan memikul tanggungjawab memahami peranan ketua jabatan dan memberi sokongan atau dorongan kepada kakitangan masing-masing perlulah dititik beratkan. Ini termasuklah menitikberatkan keselamatan kakitangan dan orang ramai yang berada di premis MBSP atau di lokasi kerja MBSP.

Teguran-teguran SIRIM ke atas kita dalam aspek keselamatan hendaklah diambil tindakan penambahbaikan dan dilaksanakan berterusan sama ada oleh kakitangan MBSP sendiri atau oleh pihak kontraktor / vendor. Harapan saya semua pensijilan dikekalkan dengan *outcome* yang memberi impak positif kepada MBSP juga secara berterusan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP juga dengan kerjasama PWDC telah menganjurkan pertandingan GRPB Champion Award 2020-2021 yang bertujuan mengiktiraf jabatan-jabatan dan unit-unit dalaman MBSP yang melaksanakan program atau projek menggunakan kaedah Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender (GRPB) yang memastikan matlamat, suara komuniti dan kehendak kelompok berlainan difahami. Sebanyak 16 Jabatan MBSP telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini dengan mengemukakan program atau projek yang berinisiatif dan berinovasi. Pada 6 Oktober 2022, Jabatan Kejuruteraan MBSP telah dinobatkan sebagai juara GRPB Champion 2020-2021 dan Jabatan Landskap mendapat tempat Naib Johan. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada pemenang dan semua yang bertanding. Kalah dan menang adalah adat bertanding.

Saya juga berasa bangga dan ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kontinen kawad MBSP yang telah menjadi Johan bagi Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan ke-65 Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun 2022 bagi kategori sektor awam pada 31 Ogos 2022.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya ingin memaklumkan bahawa MBSP telah menerima Sijil Ketua Audit Negara pada 28 September 2022 untuk Penyata Kewangan MBSP bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 yang telah mengesahkan kejayaan MBSP dalam mengekalkan sijil bersih penyata kewangan untuk tahun 2021. Ini merupakan kali ke-21 tahun berturut-turut MBSP berjaya mengekalkan sijil bersih penyata kewangan iaitu sejak tahun 2001. Syabas dan Tahniah. Saya ingin ingatkan semua Jabatan MBSP agar sentiasa menguruskan perbelanjaan jabatan masing-masing secara berhemah dan mengutamakan “*value for money*” dengan mematuhi semua tatacara kewangan dan perolehan.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai MBSP yang telah berusaha dan bertungkus lumus menyiapkan dan menjawab soalan-soalan DUN mengikut ketetapan masa yang diberikan. MBSP telah menerima sebanyak 137 soalan bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-14 bermula dari tempoh soalan diterima iaitu pada 7 Oktober 2022 dan Alhamdulillah kesemua soalan telah selesai dijawab

pada 28 Oktober 2022. Saya berharap agar kita semua bersedia sekiranya terdapat soalan-soalan tambahan atau soalan-soalan lisan yang melibatkan Ketua Menteri yang perlu diambil tindakan segera untuk penyediaan jawapan.

Di samping itu, Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2022 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang dianjurkan oleh PLANMalaysia Pulau Pinang pada 1 November 2022, MBSP telah mendapat Sijil Penghargaan Khas kerana telah berbakti dan menyumbangkan tenaga kepada Negara sebagai Petugas Barisan Hadapan Covid-19 Tahun 2020 – 2022. Oleh itu, Syabas saya ucapkan kepada kesemua Barisan Hadapan MBSP semasa penularan Covid-19 dan juga pasukan Misi Bantuan Banjir.

Sehubungan itu juga, saya ingin ingatkan kepada kesemua warga kerja MBSP, agar terus terus berhati-hati terhadap penularan wabak COVID-19 yang masih menjadi ancaman kepada negara meskipun kita akan mula melangkah masuk tahun 2023. Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlulah sentiasa dipatuhi bagi menekan penularan wabak itu. Saya yakin dengan kerjasama pasukan dan antara agensi, kita dapat bersama-sama menghadapi sebarang kemungkinan.

Saya yakin Wira-Wira Oren MBSP sentiasa bersedia sepenuh hati, menyumbang tenaga untuk rakyat dan masyarakat dalam misi-misi bantuan bencana. Memandangkan Pulau Pinang dijangka akan menghadapi bencana banjir dalam masa terdekat ini, Wira-Wira Oren hendaklah bersiapsiaga dengan memastikan kebersihan menjadi matlamat utama, segala saluran air tidak tersumbat dengan sisa sampah dan tumbuhan, serta memeriksa pam air agar berfungsi dengan baik. Ini adalah antara persediaan awal kita dalam menangani ancaman banjir.

Pada awal tahun ini dan bulan Julai 2022, Wira-Wira Oren MBSP telah melaksanakan Misi Bantuan Bencana Banjir MBSP di Pahang dan Kedah untuk membantu mangsa di sana serta menjalankan kerja-kerja pembersihan pasca banjir. Saya ucapakan Syabas dan Tahniah.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 bakal tamat pada tahun ini dan kesinambungan Pelan Strategik perlu dirancang dan dirangka bagi menentukan hala tuju MBSP menjelang tahun 2030. Oleh itu satu bengkel telah diadakan pada 1 dan 2 November 2022 yang melibatkan Ketua-Ketua

Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan untuk mengenalpasti objektif strategik dan juga KPI yang mendokong misi dan visi tersebut serta menyenaraikan program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan dalam jangkamasa lapan (8) tahun.

Pelan Strategi MBSP 2023 - 2030 merupakan yang kelima setelah yang pertama dilancarkan pada tahun 2001 dan adalah perancangan atau komitmen MBSP kepada semua stakeholders (pemegang taruh) di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MBSP serta hala tuju MBSP untuk lapan (8) tahun. Saya berharap dengan bengkel dua (2) hari ini, kita dapat menghasilkan Pelan Strategi yang mantap dan dapat direalisasikan dan bukan hanya retorik semata-mata untuk manfaat seluruh warga Seberang Perai termasuk untuk warga kerja MBSP sendiri.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP sentiasa prihatin dan bersama tuan-tuan dan puan-puan sekiranya terdapat permasalahan kerja atau peribadi yang timbul. Tuan-tuan boleh salurkan permasalahan tuan-tuan dan puan-puan melalui AKRAB. AKRAB adalah Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam yang membawa maksud Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak, Bestari, iaitu ciri-ciri penting seorang rakan pembimbing. AKRAB merupakan nama khusus

bagi pegawai yang dilantik sebagai pembimbing rakan sekerja sepetimana yang dikehendaki dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18/2005. Ianya merupakan konsep rakan membantu rakan dengan memupuk semangat berpasukan, keakraban dan membangunkan potensi yang ada dalam diri masing-masing. Selain itu sebagai ianya adalah medium perantaraan antara rakan sekerja dengan pihak pengurusan sesebuah jabatan. Pegawai dan kakitangan juga boleh berkongsi idea, meluahkan perasaan dan mendapatkan bimbingan sokongan daripada ahli-ahli AKRAB. MBSP telah melantik seramai 19 ahli AKRAB di kalangan pegawai dan penolong pegawai MBSP. Jumlah sesi yang telah dikendalikan oleh ahli AKRAB adalah sebanyak 97 sesi melibatkan 97 orang pegawai dan kakitangan MBSP bermula tahun 2018 sehingga Oktober 2022. Saya ingin sarankan agar warga kerja yang menghadapi sebarang permasalahan untuk tampil bertemu dengan mana-mana ahli AKRAB MBSP untuk meluahkan serta membincangkan permasalah yang dihadapi.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Semua warga kerja MBSP hendaklah lebih berusaha ke arah memperkuuhkan perpaduan, mempertingkatkan azam dan kesungguhan dalam melaksanakan setiap tugas dan kerja. Marilah kita bekerja dalam satu pasukan yang harmoni, janganlah membawa sikap mementingkan diri

atau bersikap SILO mentaliti kerana sikap ini sebenarnya akan meruntuhkan organisasi. Apa yang kita inginkan agar segala tanggungjawab dan tugas yang direncanakan dapat dilunaskan dengan lebih cekap, pantas dan efisien. Kita semua bertanggungjawab dalam memastikan apa juga perancangan masa kini dapat dilaksanakan dengan telus dan berkesan. Tuan-tuan dan puan-puan perlu lebih proaktif, inovatif dan inklusif dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pelbagai cabaran telah diharungi demi menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi penduduk Seberang Perai khasnya dan *stakeholders* secara amnya. Ekspektasi penduduk Seberang Perai semakin mencabar dan sentiasa memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, efisien dan proaktif. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya mengharapkan agar konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) sentiasa diamalkan dalam pelaksanaan semua dasar dan program yang direncanakan serta tugas-tugas harian. Selain itu, kita juga perlu mengamalkan konsep SMART dalam melaksanakan tugasan harian kita, S- *Specific*, M- *Measurable*, A- *Achievable*, R- *Reliable*, T- *Time* bagi memangkin Seberang Perai ke arah *liveable and aspiring city*.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat *Penang2030*. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pemimpin-pemimpin persatuan MBSP dan kakitangan MBSP yang saya kasihi yang telah bergerak bersama-sama senada seirama menuju ke arah kecemerlangan Seberang Perai untuk menjadikan bandar ini selesa untuk didiami, bekerja, menjadi tarikan pelaburan, bandaraya pintar dan rendah karbon. Jadikan cabaran sebagai pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”. Terima kasih tidak terhingga kepada kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong usaha-usaha MBSP dan saya harap sokongan ini sentiasa berpanjangan demi kebaikan bersama.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***